

# Kaji dahulu pakej umrah murah elak tertipu

## PERANGKAP UMRAH MURAH

93 kes penipuan umrah difail ke TTPM tempoh 3 bulan pertama 2014 babit tuntutan RM899,692

761 kes tuntutan penipuan difail tahun lalu babit kerugian RM4.37 juta

Imam, selebriti diguna pengaruhi mangsa sertai pakej serendah RM1,400

BERITA MUKA 5

Keratan akhbar muka depan BH 6 Mei 2014.

Saya merujuk kepada laporan BH semalam mengenai 'Perangkap Umrah Murah' yang berjaya membongkar rahsia kes penipuan pakej umrah murah. Paling menyedihkan masalah ini semakin menjadi-jadi dalam masyarakat Islam kita pada masa kini. Namun begitu siapakah yang harus dipersalahkan? Masyarakat ataupun agensi pakej umrah itu sendiri?

Menurut statistik kes yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang

dikeluarkan oleh siasatan BH menunjukkan peningkatan masalah ini pada setiap tahun, bermula tahun 2012 sehingga 31 Mac 2014. Jumlah tuntutan yang difailkan meningkat hampir 100 peratus daripada 381 kes pada 2012 kepada 761 kes pada 2013. Hal ini sangat membimbangkan.

### Guna tokoh agama pengaruhi mangsa

Tawaran tambang murah dan permintaan yang banyak adalah punca utama berlakunya masalah

penipuan ini. Dalam pada itu, pengendali umrah mengambil kesempatan dengan menggunakan status imam atau tokoh agama untuk mempengaruhi mangsa yang ingin mengikuti pakej umrah yang ditawarkan.

Individu tersebut memberi ceramah dan mempromosi pakej umrah sama ada di masjid mahupun di surau untuk mencari pelanggan. Selain itu, terdapat juga individu yang dilantik oleh agensi umrah dan diberi amanah untuk mengutip wang pendahuluan dari

pada orang ramai, tetapi bertindak di luar batasan apabila dikaburi oleh sejumlah wang yang besar.

Masyarakat Islam sedia maklum bahawa umrah adalah ibadah sunat yang boleh dilaksanakan jika berkemampuan. Bagi mereka yang menghadapi masalah kekangan kewangan, tawaran pakej murah untuk mengerjakan umrah pasti menarik perhatian mereka. Tanpa berfikir panjang, mereka tertarik untuk menyertai pakej itu dan ini antara sebab yang memungkinkan terjadinya faktor sindiket penipuan yang kian meningkat.

### Mengapa mudah terpedaya

Persoalannya mengapakah masyarakat Islam mudah terpedaya? Sebagai individu yang bijak, masyarakat hendaklah berhati-hati terhadap agensi yang menawarkan pakej umrah murah. Mereka seharusnya peka dan waspada terhadap agensi tersebut kerana pada kebiasaannya, sesuatu yang murah bukan perkara biasa dan tidak masuk akal bagi seseorang untuk

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.

mengerjakan umrah. Masyarakat seharusnya menyelidik terlebih dulu latar belakang sesebuah syarikat sebelum menyertai perkhidmatan yang ditawarkan.

Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah masyarakat hendaklah menjalankan sedikit kajian tentang umrah dan isu terkini industri melalui internet. Mereka seharusnya peka dengan isu semasa yang telah berlaku di sekeliling mereka sebelum membuat sesuatu keputusan.

Dalam pada itu, masyarakat hendaklah menyelidik mana-mana agensi pengendali umrah yang berdaftar dengan Kementerian Haji Arab Saudi. Perkara ini sangat penting untuk mengetahui sama ada syarikat tersebut betul-betul wujud ataupun tidak. Tambahan lagi, mereka hendaklah meneliti harga tawaran pakej umrah di antara agensi-agensis pengendali umrah yang sah. Melalui cara ini masyarakat boleh mengetahui harga tawaran yang realistik dan sebenar.

Bagi mengetahui agensi yang tepat dan benar, masyarakat juga seharusnya melayari laman web agensi kerajaan yang dapat membantu memberi maklumat yang sebaiknya. Antara laman web itu ialah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Kementerian Pelancongan Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan sebagainya.

Tuntasnya, jadilah individu yang bijak dalam membuat sesuatu keputusan agar masalah seperti ini dapat dibendung dan semakin berkurang. Jika masyarakat bersama-sama berganding bahu dalam menyelesaikan masalah ini.

**Nurfaizah Abdul Rahman,**  
Universiti Sains Islam Malaysia